Noordheen lwn Ram L Belani & Lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — USUL PEMULA NO 25-26-92
ABDUL HAMID H
3 MEI 1993

Pihak Berkuasa Awam *— Badan berkanun — Perlantikan timbalan pengerusi Jemaah Pengadilan Sewa — Sama ada sah — Sama ada perlantikan disahkan oleh Akta Tafsiran 1948 dan 1967 — Akta Kawalan Sewa 1966 s 12 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 49*

Pihak Berkuasa Awam *— Badan berkanun — Perlantikan pemangku pengerusi Jemaah Pengadilan Sewa — Sama ada boleh dibuat semasa tidak ada pengerusi yang terlantik — Akta Kawalan Sewa 1966 s 12 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 48*

Pihak Berkuasa Awam *— Badan berkanun — Keputusan — Sama ada keputusan pengerusi Jemaah Pengadilan Sewa adalah dimestikan dalam keputusan jemaah itu — Sama ada kecacatan dalam perlantikan pengerusi mentaksahkan prosiding jemaah itu — Akta Kawalan Sewa 1966 s 12 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 41*

Tuan Rumah dan Penyewa *— Premis terkawal — Jemaah Pengadilan Sewa — Kajian semula penghakiman — Sama ada pengerusi jemaah dilantik dengan sah — Sama ada pengerusi telah berlaku tidak adil — Akta Kawalan Sewa 1966 s 12 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 41, 48 & 49*

Undang-Undang Pentadbiran *— Remedi — Certiorari — Sama ada pengerusi Jemaah Pengadilan Sewa telah berlaku tidak adil — Ujian yang terpakai — 'Real likelihood of bias'*

Pentafsiran Statut *— Bantuan pentafsiran — Akta-akta lain — Pemakaian Akta Tafsiran 1948 dan 1967 kepada Akta Kawalan Sewa 1966 — Akta Kawalan Sewa 1966 s 12 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 41, 48 & 49*

Pemohon telah membantah terhadap kehadiran responden pertama sebagai pengerusi Jemaah Pengadilan Sewa Pulau Pinang dan Seberang Perai ('Jemaah itu') dalam permohonan No 33/1990 atas alasan bahawa: (i) perlantikan responden pertama sebagai timbalan pengerusi/setiausaha Jemaah itu di bawah s 12 Akta Kawalan Sewa 1966 ('Akta 363') tidak sah; dan (ii) responden pertama berlaku tidak adil ('bias') kerana beliau adalah seorang kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang ('MPPP') yang telah meluluskan pelan projek pembangunan yang menjadi pertikaian itu dan telah menghadiri dan menasihati mesyuarat MPPP di mana pelan dan projek pembangunan itu telah dipertimbangkan dan diluluskan.

Pemohon telah memohon: (i) perintah certiorari untuk membatalkan keputusan Jemaah itu bahawa responden pertama tidak perlu mengundurkan dirinya sebagai pengerusi Jemaah itu dalam permohonan No 33/1990; (ii) satu perintah untuk melarang Jemaah itu daripada meneruskan prosiding permohonan No 33/1990; dan

A (iii) kos permohonan ini dibiayai oleh responden. Responden telah bergantung ke atas ss 41, 48 dan 49 Akta Tafsiran 1948 dan 1967.

Diputuskan, membenarkan permohonan (i) dan (iii) tetapi menolak permohonan (ii):

B (1) Adalah jelas bahawa s 12 atau mana-mana peruntukan Akta 363 tidak memperuntukkan perlantikan timbalan pengerusi Jemaah itu atau memberikan apa-apa kuasa kepada timbalan pengerusi.

(2) Seksyen 12 Akta 363 jelas memperuntukkan bahawa Jemaah itu mesti terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang ahli. Dengan demikian, s 49 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ('Akta C 388') tidak terpakai kerana s 49 membolehkan perlantikan timbalan pengerusi hanya jika kuasa diberi untuk melantik ahli-ahli sesuatu lembaga. Tidak ada ruang untuk perlantikan timbalan pengerusi di bawah s 12 Akta 363.

D (3) Pada masa Jemaah itu membuat keputusan yang dicabar itu, tidak ada pengerusi yang terlantik. Kuasa di bawah s 48 Akta 388 untuk melantik orang lain untuk menjalankan tugas pengerusi semasa pengerusi tidak boleh menjalankannya hanya boleh digunakan jika terdapat pengerusi terlantik.

(4) Seksyen 41 Akta 388 yang memperuntukkan bahawa sesuatu E badan berkuasa boleh bertindak walaupun terdapat kekosongan dalam keahliannya dan bahawa prosidingnya tidak akan dijadikan tidak sah oleh kecacatan dalam perlantikan ahlinya, juga tidak terpakai kerana: (i) s 12 Akta 363 mensyaratkan bahawa keputusan pengerusi atau orang yang dilantik untuk menjalankan tugasnya F adalah dimestikan dalam keputusan Jemaah itu; dan (ii) s 48 terhad kepada kecacatan yang didapati kemudiannya, manakala bantahan di sini dibuat pada masa Jemaah itu bersidang.

(5) Ujian sama ada responden pertama 'bias' ialah sama ada seorang yang waras (a reasonable man) akan berpendapat bahawa terdapat 'a real likelihood of bias'. Di dalam kes ini, adalah tidak G munasabah bagi seorang waras berpendapat bahawa responden pertama mungkin tidak adil atas alasan yang diberi itu.

(6) Perlantikan responden pertama adalah tidak sah dan oleh itu, persidangan itu juga tidak sah dan keputusan Jemaah itu adalah terbatal. Tetapi Jemaah itu tidak patut dilarang daripada H meneruskan prosiding itu jika ia dipengerusikan oleh pengerusi lain yang telah pun dilantik. Responden pertama dan kedua hendaklah membayar kos pemohon.

[Bahasa Malaysia summary

I The applicant objected to the presence of the first respondent as chairman of the Rent Tribunal of Pulau Pinang and Seberang Perai ('the Tribunal') in application No 33/1990 on the grounds that: (i) the appointment of the first respondent as deputy chairman/

secretary of the Tribunal pursuant to s 12 of the Rent Control Act 1966 ('Act 363') was void; and (ii) the first respondent was biased as he was a member of the staff of the Pulau Pinang Town Council ('PPTC') which had approved the development project plans which were in dispute and had attended and given advice at the meeting of the PPTC where the plans and development project were considered and approved.

The applicant applied for: (i) an order of certiorari to quash the Tribunal's decision that the first respondent did not have to withdraw as chairman of the Tribunal in application No 33/1990; (ii) an order to prevent the tribunal from continuing with the proceedings of application No 33/1990; and (iii) the costs of this application to be borne by the respondents. The respondents relied on ss 41, 48 and 49 of the Interpretation Acts 1948 and 1967.

Held, allowing applications (i) and (iii) but dismissing application (ii):

(1) It was clear that s 12 or any provision of Act 363 did not provide for the appointment of a deputy chairman of the Tribunal or give any power to the deputy chairman.

(2) Section 12 of Act 363 clearly provides that the Tribunal must consist of a chairman and two members. As such, s 49 of the Interpretation Acts 1948 and 1967 ('Act 388') was inapplicable because s 49 allows for the appointment of a deputy chairman only where power is given to appoint the members of a council. There was no room for the appointment of a deputy chairman under s 12 of Act 363.

(3) At the time when the Tribunal made the decision that was being challenged, there was no appointed chairman. The power under s 48 of Act 388 to appoint another person to carry out the duties of the chairman while the chairman was unable to do so can only be exercised if there is an appointed chairman.

(4) Section 41 of Act 388 which provides that a body can act notwithstanding any vacancy in its membership and that its proceedings shall not be invalidated by any defect in the appointment of a member, was also inapplicable because: (i) s 12 of Act 363 makes it a condition that the decision of the Tribunal shall consist of the decision of the chairman or the person appointed to carry out his duties; and (ii) s 48 is confined to defects which are discovered afterwards, whereas here the objection had been made while the Tribunal was still in session.

(5) The test whether the first respondent was biased was whether a reasonable man would be of the opinion that there was a real likelihood of bias. In this case, it was not reasonable for a reasonable person to be of the opinion that the first respondent could be biased based on the grounds given.

(6) The appointment of the first respondent was void and therefore, the meeting was also void and the decision of the council was null and void. But the Tribunal should not be prevented from continuing with the proceedings if it was chaired by another chairman who had since been appointed. The first and second respondents are to pay the applicant's costs.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai certiorari, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed) perenggan 48–160; [1991] Mallal's Digest 19–26; [1992] Mallal's Digest 13–14.

Untuk kes mengenai Jemaah Pengadilan Sewa, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed) perenggan 737–740.

Kes-kes rujukan

Cheak Yoke Thong v PP [1984] 2 MLJ 119 (dirujuk)
Chong Kok Lim & Ors v Yong Su Hian [1979] 2 MLJ 11 (dirujuk)
Maleb bin Su v PP [1984] 1 MLJ 311 (folld)

Undang-undang rujukan

Akta Kawalan Sewa 1966 ss 12, 18
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 41, 48, 49

[*Editorial Note*: The respondents' appeal to the Supreme Court vide Civil Appeal No 01–23–93 was heard on 8 November 1993. The Supreme Court (comprising Harun Hashim, Mohamed Azmi and Wan Yahya SCJJ) dismissed the appeal with costs.]

M Thayalan (*Meena, Thayalan & Partners*) bagi pihak pemohon.
Ahmad Zaki bin Hj Husin (Penasihat Undang-Undang Negeri) bagi pihak responden pertama dan kedua.
Foo Say Keow (*Murad & Foo*) bagi pihak responden ketiga.

Cur Adv Vult

Abdul Hamid H: Melalui notis usul yang difailkan pada 24 Januari 1992, pemohon memohon perintah-perintah berikut:

(1) Satu perintah certiorari untuk dikemukakan di Mahkamah Yang Mulia ini bagi tujuan dibatalkan keputusan Jemaah Pengadilan Sewa Pulau Pinang dan Seberang Perai yang dibuat pada 18 April 1992 bahawa responden pertama tidak perlu mengundurkan dirinya daripada menjalankan tugas sebagai pengerusi untuk Jemaah Pengadilan Sewa dalam permohonan No 33/1990.

(2) Satu perintah larangan melarang Jemaah Pengadilan Sewa Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada meneruskan prosiding permohonan 33/1990.

(3) Satu perintah bahawa kos permohonan ini dibiayai oleh responden.

Bantahan pemohon adalah terhadap kehadiran Encik Ram L Belani ('responden pertama') yang mempengerusikan Jemaah Pengadilan Sewa ('Jemaah') itu.

Fakta-fakta berikut tidak dipertikaikan.

Encik Hussin Che Pa telah dilantik menjadi pengerusi Jemaah itu bagi tempoh dua tahun mulai 1 Januari 1990. Tempoh perlantikan itu telah dilanjutkan dan tamat pada 28 Februari 1992. Pengerusi baru dilantik pada 1 Mei 1992. Antara 1 Mac 1992 hingga 30 April 1992 tidak ada pengerusi yang terlantik.

Responden pertama dilantik menjadi timbalan pengerusi/setiausaha Jemaah itu bagi tempoh satu tahun mulai 2 Oktober 1991. Perlantikan itu dibuat di bawah s 12 Akta Kawalan Sewa 1966 ('Akta 363'). Kerana rujukan akan dibuat kepada perlantikan itu, eloklah ia diperturunkan:

> Pg PU19
>
> Akta Kawalan Sewa 1966
>
> Perlantikan di bawah s 12
>
> Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh s 12 Akta Kawalan Sewa 1966, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dengan ini melantik Encik Ram L Belani menjadi timbalan pengerusi/setiausaha Jemaah Pengadilan Sewa untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut di seluruh kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai bagi tempoh satu tahun mulai 2 Oktober 1991.
>
> Apabila pengerusi tidak dapat hendak menjalankan tugas-tugasnya oleh kerana sakit, tidak ada di Malaysia, atau oleh kerana apa-apa sebab lain, timbalan pengerusi hendaklah menjalankan tugas-tugas pengerusi itu; dan pada menjalankan tugas-tugas itu, timbalan pengerusi hendaklah, bagi maksud-maksud Akta, disifatkan sebagai pengerusi Jemaah Pengadilan Sewa.

Tidak dipertikaikan bahawa pada 18 April 1992 tidak ada pengerusi yang terlantik. Juga tidak dipertikaikan pada tarikh itu tempoh perlantikan responden pertama sebagai 'timbalan pengerusi/setiausaha' masih belum tamat, jika perlantikan itu sah.

Rasanya eloklah ditimbangkan terlebih dahulu sama ada perlantikan responden itu sah atau tidak.

Perhatian patutlah diberi kepada peruntukan s 12 Akta 363 itu. Seksyen-kecil (1) memperuntukkan Jemaah itu hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang ahli. Seksyen-kecil (2) memperuntukkan kelayakan orang yang hendak dilantik menjadi pengerusi oleh Yang di-Pertua Negeri. Secara ringkas seksyen-kecil (5) memperuntukkan bahawa keputusan Jemaah mestilah mengandungi keputusan pengerusi yang menyetujui keputusan itu.

Adalah jelas bahawa seksyen itu atau mana-mana peruntukan Akta 363 itu juga tidak memperuntukkan perlantikan timbalan pengerusi. Juga tidak ada apa-apa kuasa yang diberi oleh Akta 363 itu kepada timbalan pengerusi.

A Mengikut Pg PU19 itu, perlantikan responden pertama dibuat di bawah s 12 Akta 363 itu. Mengikut Pg PU19 itu, Yang di-Pertua Negeri melantik responden pertama menjadi timbalan pengerusi/setiausaha mengikut kuasa yang diberi di bawah s 12 itu.

Meneliti peruntukan s 12 Akta 363 itu, adalah jelas bahawa seksyen
B itu tidak memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Negeri untuk melantik timbalan pengerusi.

Perenggan pertama Pg PU19 itu juga mengatakan bahawa tujuan perlantikan itu ialah 'untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut di seluruh kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai.' Tetapi, Akta 363 itu
C tidak memperuntukkan apa-apa kuasa timbalan pengerusi. Apakah 'kuasa' yang hendak dijalankannya?

Perenggan kedua Pg PU19 itu memberi kuasa kepada timbalan pengerusi untuk menjalankan tugas-tugas pengerusi dalam keadaan-keadaan yang tersebut di dalamnya. Pada pandangan saya, jika Yang di-Pertua Negeri tidak mempunyai kuasa melantik timbalan pengerusi maka timbalan
D pengerusi yang dilantik itu tentu tidak boleh menjalankan apa-apa tugas pun.

YB penasihat undang-undang negeri yang mewakili responden pertama dan kedua membuat rujukan kepada s 49 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ('Akta 388'):

E

> Where a power is conferred by any written law to appoint the members of any board, commission, committee or similar body, the appointing authority may appoint a chairman, deputy chairman and secretary of the board, commission, committee or body.

Pada pandangan saya, seksyen itu tidak terpakai dalam keadaan kes ini.
F Seksyen itu membolehkan dibuat perlantikan pengerusi, timbalan pengerusi dan setiausaha kepada sesuatu lembaga, komisyen, jawatankuasa atau badan jika kuasa diberi untuk melantik '*ahli-ahli*' lembaga dan lain-lain itu. Sebagai satu misalan yang mudah, jika undang-undang memperuntukkan bahawa ahli-ahli sesuatu lembaga dilantik dan tidak
G disebut jawatan-jawatan pengerusi dan sebagainya itu, maka, dalam melantik ahli-ahli lembaga itu, bolehlah dilantik siapa yang akan menjadi pengerusi, timbalan pengerusi dan setiausaha.

Tetapi, dalam kes ini, s 12 dengan jelas memperuntukkan keahlian lembaga yang terdiri daripada pengerusi dan lain-lain. Oleh itu, di bawah Akta 363 itu tidak ada ruang untuk perlantikan timbalan pengerusi.
H Timbalan pengerusi, sebagai timbalan pengerusi, jika dilantik pun, tidak mempunyai apa-apa kuasa di bawah Akta 363 itu.

Dihujahkan juga bahawa perlantikan responden pertama itu dibuat seperti yang diperuntukkan oleh s 48 Akta 388 iaitu:

I

> Where a power is conferred by a written law to appoint any person to be a member of any board, commission, committee or similar body, the appointing authority may, if during any period owing to absence or inability to act from illness or any other cause any member so appointed is unable to act as such,

appoint some other person to act temporarily for that member during the period of absence or inability. A

Biarlah saya beri pandangan saya tentang makna seksyen itu. Apa yang dikatakan oleh seksyen itu ialah jika kuasa diberi oleh sesuatu undang-undang bertulis untuk melantik seseorang menjadi ahli sesuatu lembaga, komisyen, jawatankuasa atau badan yang serupa, pihak berkuasa membuat B perlantikan itu boleh melantik orang lain untuk menjalankan tugas orang yang telah dilantik itu bagi tempoh orang yang telah dilantik itu tidak boleh menjalankan tugas-tugasnya kerana ketiadaannya (absence) atau kerana dia sakit atau sebab-sebab lain.

Saya bersetuju, dalam seksyen ini perkataan 'member' (ahli) bolehlah C dibaca sebagai termasuk apa-apa jawatan lain termasuk pengerusi. Tetapi orang yang sepatutnya dilantik (dalam kes ini pengerusi) itu mestilah dilantik terlebih dahulu dan perlantikannya mestilah berkuatkuasa pada masa *orang lain* itu dilantik untuk menjalankan tugas-tugasnya bagi tempoh dia tidak boleh menjalankan tugasnya atas sebab-sebab yang disebut dalam seksyen itu. Ini nyata dari kata-kata '... if during any period ... any D member *so appointed is unable to act as such* ...'

Dalam kes ini, seperti yang disebut lebih awal, pada masa Jemaah yang dipengerusikan oleh responden pertama mendengar permohonan berkenaan dan membuat keputusan yang dicabar ini, tidak ada pengerusi yang terlantik. Oleh itu, jika perlantikan responden pertama untuk E menjalankan tugas-tugas pengerusi itu sah pun, adalah jelas bahawa, pada masa itu responden pertama tidak boleh menjalankan tugas-tugas pengerusi itu, kerana jika perlantikan itu mengikut s 48 Akta 388 pun, seksyen itu tidak memberi kuasa kepadanya untuk menjalankan tugas-tugas itu semasa tidak ada pengerusi terlantik.

YB penasihat undang-undang negeri juga merujuk kepada s 41 F Akta 388:

Powers of certain bodies not effected by vacancy, etc.

A board, commission, committee or similar body (whether corporate or unincorporate) established by or under a written law may act notwithstanding G any vacancy in its membership; and its proceedings shall not be invalidated by —

(a) any defect afterwards discovered in the appointment or qualification of a person purporting to be a member; or

(b) any minor irregularity in the convening or conduct of a meeting; or H

(c) the presence or participation of a person not entitled to be present or participate.

Bahagian pertama menyatakan bahawa sesuatu lembaga, komisyen, jawatankuasa atau badan yang serupa boleh bertindak walaupun terdapat kekosongan dalam keahliannya. I

Dalam penghakiman saya, bahagian ini tidak boleh menolong kes responden-responden. Kerana, s 12 Akta 363 secara khusus mensyaratkan bahawa sesuatu keputusan pengerusi (termasuk orang yang dilantik

menjalankan tugas-tugas pengerusi dalam keadaan yang telah disebut itu) adalah dimestikan dalam sesuatu keputusan Jemaah.

Bahagian kedua dan perenggan (a) menyatakan bahawa prosidingnya tidak menjadi tidak sah kerana terdapat apa-apa kecacatan yang didapati kemudiannya berkenaan perlantikan atau kelayakan seseorang 'purporting to be a member'.

Sekali lagi saya bersetuju perkataan 'member' di sini boleh dibaca sebagai termasuk pengerusi. Tetapi, peruntukan itu cuma terhad kepada *kecacatan yang didapati kemudiannya*, iaitu setelah keputusan dibuat. Dalam kes ini bantahan dibuat pada masa Jemaah itu bersidang. Oleh itu s 41 ini juga tidak boleh menolong kes responden-responden.

Hujah peguam pemohon yang terakhir adalah berasaskan 'bias'. Alasannya ialah responden pertama adalah seorang kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang ('MPPP'). MPPP dikatakan telah meluluskan pelan projek pembangunan yang menjadi pertikaian itu. Kedua, sebagai pengarah Jabatan Hal Ehwal Perundangan, beliau dikatakan menasihat Jawatankuasa Tujuan Awam MPPP yang telah meluluskan pelan projek itu. Ketiga, dikatakan bahawa beliau menghadiri dan menasihati mesyuarat MPPP di mana pelan dan projek pembangunan yang dipertikaikan telah dipertimbangkan dan diluluskan.

Berkenaan dengan alasan ini, responden pertama memfail afidavit jawapan (lamp 10). Antara lain, beliau menjelaskan:

> (i) Saya tidak ada apa-apa kaitan dengan perlulusan pelan-pelan pembangunan oleh Majlis Perbandaran, dan hanya jika terdapat sebarang implikasi undang-undang perkara ini akan dirujuk kepada Jabatan Undang-Undang. Oleh yang demikian, kesannya ialah saya sebenarnya tidak ada kaitan dengan kelulusan yang sedemikian. Keputusan untuk melulus atau menolak pembangunan ialah dengan Majlis Perbandaran.
>
> (ii) Saya tidak ada 'preconceived views or opinions' ke atas pembangunan yang dicadangkan oleh responden ketiga di dalam [kes] ini dan pelan-pelan untuk pembangunan yang dicadangkan itu tidak pernah dirujuk kepada saya atau pun Jabatan saya untuk komen.
>
> (iii) Saya bersedia untuk bertindak secara adil dan dengan fikiran yang tidak tertutup untuk hujah.

Perlulah disebut di sini bahawa sama ada sebenarnya responden pertama 'bias' atau tidak tidaklah relevan. Ujiannya ialah sama ada seorang yang waras (a reasonable man) akan berpendapat bahawa terdapat 'a real likelihood of bias'.

Dalam hal ini, memadailah jika dipetik satu perenggan daripada penghakian Hashim Yeop A Sani HMP (pada masa itu) dalam kes *Maleb bin Su v PP* [1984] 1 MLJ 311 di halaman 312–313:

> I think the correct view is also clearly stated in *Healey v Rauhina & Anor* [1958] NZLR 945 following *R v Camborne Justices, ex p Pearce* [1955] 1 QB 41 in that if bias is alleged (other than pecuniary or proprietary bias) then there must be proved a *real likelihood* of bias and that reasonable suspicion of bias is insufficient. Thus, bare allegations (as done in the present case)

are insufficient. A fortiori bare allegations before hearing had hardly commenced.

Lihat juga penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Chong Kok Lim & Ors v Yong Su Hian* [1979] 2 MLJ 11 dan penghakiman Mahkamah Agung dalam kes *Cheak Yoke Thong v PP* [1984] 2 MLJ 119.

Menggunakan ujian ini, saya tidak fikir adalah munasabah bagi seorang waras berpendapat bahawa responden pertama mungkin 'tidak adil' (biased) atas alasan yang diberi itu.

MPPP adalah satu pihak kuasa tempatan yang besar dan mempunyai berbagai-bagai jabatan. Responden pertama mengetuai bahagian undang-undang. Proses perlulusan pelan-pelan pembangunan dibuat oleh jabatan lain dan kelulusan diberi oleh MPPP sendiri. Tugas beliau dan jabatan beliau adalah untuk memberi nasihat terhadap masalah undang-undang kepada MPPP, bukan menasihatkan sama ada sesuatu pelan itu patut dilulus atau tidak.

Peranan pengerusi Jemaah di bawah s 18 Akta 363 adalah berlainan langsung dengan peranannya sebagai pengarah Jabatan Undang-Undang. Apa yang perlu ditimbangkan dalam sesuatu permohonan di bawah s 18 itu, dijelaskan oleh seksyen itu. Berkenaan pelan cuma sama ada pelan telah diluluskan atau tidak.

Dalam keadaan ini, saya tidak nampak bagaimana seorang yang berfikiran waras boleh beranggapan bahawa responden pertama mungkin tidak adil (bias). Memanglah, di George Town ini, tidak sukar untuk mencari orang-orang yang beranggapan bahawa semua kakitangan kerajaan tidak adil (biased) dan 'boleh dibeli'. Tetapi, adakah pandangan orang-orang seperti itu yang harus dijadikan ukuran? Pada pandangan saya tidak, kerana pandangan seperti itu bukanlah pandangan 'orang-orang waras' yang dimaksudkan oleh undang-undang.

Alasan ini ditolak.

Kesimpulannya saya berpendapat bahawa perlantikan responden pertama tidak sah. Jika perlantikan itu sahpun, beliau tidak boleh menjalankan kuasa-kuasa pengerusi semasa tidak ada pengerusi terlantik. Oleh itu, persidangan yang dipengerusikan oleh beliau adalah tidak sah dan keputusan Jemaah itu yang dipengerusikan olehnya yang dicabar itu adalah terbatal.

Permohonan (prayer) pertama diluluskan.

Berkenaan permohonan (prayer) kedua, saya tidak fikir terdapat apa-apa sebab mengapa Jemaah itu patut dilarang daripada meneruskan prosiding itu jika ia dipengerusikan oleh pengerusi lembaga itu, yang saya difahamkan telah pun dilantik. Permohonan (prayer) kedua ditolak.

Responden pertama dan kedua hendaklah membayar kos plaintif.

Diperintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Anne Khoo